

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
(BAGAN DATUK)**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI [BAGAN DATUK]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang perubahan *Standard Operating Procedur* (SOP) pengurusan pesakit di penjara bagi memastikan kes COVID-19 di dalam penjara tidak menjadi satu kluster yang besar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil beberapa pendekatan proaktif dalam mengekang penularan berterusan wabak COVID-19 di institusi penjara. Sebagai langkah pencegahan, Jabatan Penjara Malaysia telah mengeluarkan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara iaitu Pelan Kontingensi: Tatacara Mencegah Dan Bertindak Dalam Menghadapi Penularan Wabak COVID-19 Di Dalam Penjara.

Bagi membendung masalah ini, Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil dan mengikuti segala prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk merawat, melaksanakan kuarantin dan mencegah penularan wabak tersebut kepada banduan dan kakitangan.

Selain itu, Jabatan Penjara Malaysia turut mempunyai perintah tetap jabatan yang antaranya menetapkan agar semua banduan sebelum diterima masuk ke penjara, perlu mempunyai keputusan ujian saringan COVID-19. Perintah tetap ini selaras dengan keputusan sidang khas Majlis Keselamatan Negara pada 15 Oktober 2020 yang telah bersetuju agar dilaksanakan ujian pengesanan COVID-19 kepada semua banduan semasa kemasukan bagi memastikan penularan COVID-19 di penjara dapat dicegah sepenuhnya.

Jabatan Penjara Malaysia juga telah melaksanakan arahan melalui Gerak Kerja Pelan Kontingensi COVID-19 dan antara langkah penting yang diberi penekanan dalam arahan ini, khususnya berkaitan kesihatan adalah:

- i. Menjalankan ujian *swab* ke atas semua anggota dan banduan yang mempunyai kontak rapat dengan individu yang positif COVID-19;

## SOALAN NO : 34

- ii. Memohon bantuan tenaga kerja perubatan dari Pusat Kesihatan Daerah (PKD) bagi menjalankan ujian *swab* dan melakukan proses nyahkuman;
- iii. Memastikan anggota yang bertugas tiada komplikasi penyakit kronik;
- iv. Memastikan setiap anggota yang masuk bertugas tidak mengalami gejala COVID-19 seperti batuk, selsema, demam dan sakit tekak;
- v. Pegawai Kesihatan hendaklah mendapatkan maklumat lokasi asal dan kenalpasti rangkaian semasa di luar penjara;
- vi. Peringkat pengasingan dan rawatan jangkitan COVID-19:
  - Peringkat 1- 2 – pengasingan dan rawatan di dalam penjara sahaja.
  - Peringkat 3-4 – pengasingan dan rawatan di luar penjara (hospital)
- vii. Pihak KKM boleh menggunakan mana-mana lokasi yang strategik dan lapangan di dalam kawasan penjara untuk kegunaan rawatan dan pengasingan sementara, seperti padang, bilik/dormitori/ruang bengkel kosong atau mana-mana ruang yang sesuai dan luas.